

21

SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK
GELUGOR]**

TARIKH : 31 Oktober 2017 [Selasa]

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian terhadap keperluan sosial dan produktiviti negara menjelang 2030 (Negara Tua) ketika negara sedang dipacu menuju matlamat dan visi hala tuju yang baharu, Transformasi Nasional 2050.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Berasaskan unjuran yang dibuat oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia**, negara kita dijangka mencapai **status negara tua pada tahun 2030** dengan jumlah warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas seramai **5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk Malaysia.**

Pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Kementerian/agensi lain dalam persediaan untuk mengoptimumkan potensi diri warga emas melalui penuaan sihat, positif, aktif dan produktif bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan terus menyumbang kepada pembangunan negara, selaras dengan komitmen Malaysia di arena antarabangsa.

Antara inisiatif utama yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (1) **Kaji semula Dasar dan Pelan Tindakan:** Bagi memastikan Dasar dan Pelan Tindakan untuk warga emas kekal relevan dan selaras dengan perubahan semasa, KPWKM mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas. Dasar Warga Tua Negara (1995) diganti dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (2011-2020) yang terdiri daripada enam teras strategi. Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah adalah dipantau oleh **Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara.**

- (2) **Promosi dan Advokasi:** Dalam usaha untuk mengarusperdanakan isu penuaan dalam pembangunan negara, pelbagai aktiviti promosi dan advokasi sedang dan telah dilaksanakan oleh KPWKM bersama Kementerian/agensi lain dalam meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat terhadap isu penuaan.

(3) **Pemerkasaan Program Berasaskan Komuniti:** Menyedari hakikat bahawa kos tanggungan kerajaan untuk penjagaan sosial dan kesihatan akan semakin meningkat dengan penambahan bilangan warga emas, Kerajaan mengambil inisiatif untuk mewujudkan pelbagai program dan perkhidmatan berdasarkan komuniti (*community-based programme*) bagi menggalakkan pemegang taruh lain seperti pertubuhan bukan kerajaan, komuniti dan keluarga untuk **berkongsi tanggungjawab dalam penjagaan kesejahteraan warga emas.** Program yang terlibat termasuk penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), program pengangkutan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Program *Home Help Services.* Sehingga 30 September 2017, **terdapat 53 buah PAWE yang sedang beroperasi dan dijangkakan bilangan ini akan ditambahkan ke 59 buah PAWE pada akhir tahun 2017.** KPWKM sedang berusaha untuk memperbanyakkan bilangan PAWE dengan hasrat sekurang-kurangnya satu PAWE satu Parlimen bergantung pada peruntukan yang diluluskan Kerajaan. Selain daripada PAWE, terdapat juga persatuan/kelab warga emas aktif di bawah Klinik Kesihatan di setiap negeri yang menyediakan ruang untuk warga emas berinteraksi.

- (4) **Penjagaan Institusi dan Bantuan:** KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT) dan penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan.
- (5) **Pembelajaran Sepanjang Hayat:** Bagi menggalakkan warga emas untuk kekal aktif dan produktif serta menyumbang kepada sosial dan ekonomi negara, pembelajaran sepanjang hayat dipromosikan di kalangan warga emas.
- (6) **Keselamatan dan Perlindungan:** Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016 telah bersetuju untuk menubuhkan Badan Induk Penyelaras Dasar dan Pelaksanaan Program Perlindungan Sosial Secara Bersepadu Bagi Memperkasakan Sistem Perlindungan Sosial Negara yang akan memenuhi keperluan serta melindungi kumpulan isi rumah yang mudah terjejas termasuk warga emas.

- (7) **Sesi Dialog TN50:** KWPKM telah mengadakan satu sesi Dialog Transformasi Negara 2050 (TN50) bersama Warga Emas, Orang Kurang Upaya, Sukarelawan dan Petugas PDK pada 1 Oktober 2017 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi sempena Bulan Kebajikan Negara bagi mendapatkan aspirasi warga emas menjelang tahun 2050. Aspirasi ini akan menjadi salah satu panduan utama dalam perancangan dasar dan program untuk warga emas di masa hadapan.
- (8) ***Beautiful Life for Seniors (BeLFoS)*:** Inisiatif BeLFoS adalah satu inisiatif *National Blue Ocean Strategi* (NBOS) terkini. Antara projek yang terlibat termasuk **penyediaan portal dan penerbitan untuk BeLFoS**. Portal tersebut telah dilancarkan pada 1 Oktober 2017 oleh YAB PM. Portal ini menyediakan antara lain maklumat komprehensif seperti kemudahan dan peluang yang disediakan, dasar dan kajian, diskau tambang pengangkutan serta peluang pekerjaan kepada warga emas.
- (9) **Lain-lain:** Inisiatif lain termasuk penyediaan **infrastruktur dan kemudahan mesra warga emas** yang menepati rekabentuk sejagat, menggalakkan amalan hidup aktif dan pemakanan yang

sihat, serta memperkasakan perundangan dalam meningkatkan kualiti penjagaan warga emas.

Tuan yang Dipertua,

KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan segala inisiatif yang dinyatakan di atas merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas. Walau bagaimanapun, jaminan kesejahteraan warga emas bergantung kepada komitmen dan sokongan pelbagai pihak iaitu Kerajaan, swasta dan NGO.